

## TERMA DAN SYARAT

### **PERJALANAN PERCUMA BERSEMPENA PEMBUKAAN PERKHIDMATAN MRT LALUAN PUTRAJAYA FASA 2 (PFR15)**

---

1. Perjalanan Percuma Bersempena Pembukaan Perkhidmatan MRT Laluan Putrajaya (PFR15) dibuka untuk semua pelanggan Rapid KL yang menggunakan MRT laluan Putrajaya dan bas perantara MRT laluan Putrajaya.
2. PFR15 adalah tawaran perjalanan percuma selama 15 hari bermula 16 Mac 2023, 3 petang hingga 31 Mac 2023, 11.59 malam (Tempoh Kempen) kepada semua pelanggan MRT Laluan Putrajaya dan bas perantara MRT laluan Putrajaya; tidak termasuk dengan servis bas Nadiputra.
3. Sepanjang tempoh kempen, pelanggan tidak akan dikenakan bayaran jika pelanggan menyentuh masuk atau/dan keluar di mana – mana stesen MRT laluan Putrajaya dan bas perantara MRT laluan Putrajaya. Pelanggan harus melengkapkan sentuhan masuk dan keluar token, pas atau kad untuk setiap perjalanan.
4. Pelanggan yang menggunakan token dikehendaki untuk mendapatkan token PFR15 di mana – mana kaunter LRT/MRT/Monorel/BRT. Anda boleh menggunakan token PFR15 di mana-mana stesen masuk atau/dan keluar yang melibatkan MRT Laluan Putrajaya untuk perjalanan sehalu sahaja.
5. Pelanggan yang menggunakan kad Touch 'n Go dan kad konsesi perlu menyentuh sentuh kad di pintu masuk atau/dan keluar MRT laluan Putrajaya dan tiada sebarang caj akan dikenakan sepanjang PFR15.
6. Kad Touch 'n Go dan Kad Konsesi Pelanggan juga akan di caj maksima RM0.02 dan akan ditukarkan kepada sifar setelah di sentuh keluar apabila pelanggan menaiki bas perantara MRT laluan Putrajaya.
7. Pelanggan MRT laluan Putrajaya yang menggunakan pas My50 boleh membuat pembaharuan baru (30+15 hari) di mana – mana kaunter MRT Laluan Putrajaya (kecuali 4 stesen pertukaran MRT Laluan Putrajaya) selepas pas My50 pelanggan tamat tempoh di antara 1 April hingga 30 April 2023.
8. Anda perlu menggunakan pas My50 anda yang sedia ada sehingga pas anda tamat tempoh dan anda perlu memperbaharui pas My50 selewat-lewatnya pada 30 April 2023 untuk mendapat 30+15 hari perjalanan tanpa had dengan membayar RM50.00 sahaja. Anda masih akan dikenakan caj RM0.50 untuk setiap tambah nilai Touch 'n Go untuk pembaharuan pas My50 anda.

9. Empat (4) stesen pertukaran MRT Laluan Putrajaya di bawah tidak dibenarkan untuk penebusan My50 (30+15 hari). Anda perlu menebus My50 (30+15 hari) di stesen MRT Laluan Putrajaya yang lain.
- (i) Kwasa Damansara
  - (ii) Kampung Selamat
  - (iii) Sungai Buloh
  - (iv) Tun Razak Exchange (TRX)
10. Pelanggan perlu memastikan nilai baki minima RM5.00 dikekalkan dalam pas My50 / Kad Konsesi/ Kad Touch 'n Go sebelum menggunakan perkhidmatan MRT laluan Putrajaya.
11. Tiada penjualan Pas Berkumpulan, Pas MyCity 1 Hari, Pas MyCity 3 Hari dan pas My50 di mana – mana kaunter MRT laluan Putrajaya sepanjang tempoh kempen.
12. Untuk pelanggan MRT laluan Putrajaya yang telah membeli Pas MyCity (MCP) sebelum pengumuman PFR15 (pembelian MCP pada 14 - 16 Mac 2023), pelanggan layak untuk menebus baucar perjalanan yang akan dikeluarkan di kaunter MRT laluan Putrajaya sahaja. Baucar perjalanan yang diberikan adalah berdasarkan hari yang sama dengan PFR15.
13. Senario – senario pelanggan adalah seperti berikut:

Senario	Stesen Masuk	Stesen Keluar	Tambang
1	MRT Putrajaya	LRT Kelana Jaya LRT Ampang MRT Kajang MRT Putrajaya Monorel BRT	<b>PERCUMA</b>
2	LRT Kelana Jaya LRT Ampang MRT Kajang MRT Putrajaya Monorel BRT	MRT Putrajaya	<b>PERCUMA</b>
3	Bas Perantara MRT Laluan Putrajaya		<b>PERCUMA</b>
4	LRT Kelana Jaya LRT Ampang	LRT Kelana Jaya LRT Ampang	<b>Kadar tambang</b>

	MRT Kajang Monorel BRT	MRT Kajang Monorel BRT	<b>seperti biasa</b> untuk semua kategori: Tunai/ pas My50/ Touch 'n Go/ Konsesi
5	Rapid Bas/Bas Perantara LRT/Bas Perantara MRT Laluan Kajang		<b>Kadar tambang seperti biasa</b> untuk semua kategori: Pas My50/ Touch 'n Go/ Konsesi

14. Pelanggan yang menyentuh masuk atau/dan keluar tujuh (7) stesen pertukaran seperti di bawah sepanjang PFR15 akan menikmati perjalanan secara percuma.
- (i) Kwasa Damansara
  - (ii) Kampung Selamat
  - (iii) Sungai Buloh
  - (iv) Titiwangsa
  - (v) Tun Razak Exchange (TRX)
  - (vi) Chan Sow Lin
  - (vii) Sungai Besi
15. Pelanggan boleh menikmati kadar rata di kemudahan LRT dan MRT Park 'N Ride semasa RKLFR. Pelanggan harus pastikan pas/ kad (My50/ Konsesi/Touch 'n Go) disentuh di pintu masuk Park 'N Ride dan menggunakan pas/ kad yang sama untuk menggunakan perkhidmatan Rapid KL.
16. Dengan menikmati PFR15 ini, pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
17. Prasarana Malaysia Berhad secara mutlak mempunyai hak untuk mengubah, memadam atau mengubah sesuai mana-mana maklumat tanpa sebarang notis awal.
18. Terma dan syarat ini ditadbirkan oleh undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan kempen ini hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
19. Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila emelkan kepada kami di [suggest@rapidkl.com.my](mailto:suggest@rapidkl.com.my) atau hubungi kami di 03-7885 2585 pada hari Isnin hingga Jumaat, dari 7 pagi hingga 8.30 malam, Sabtu hingga Ahad dan Cuti Umum dari 7 pagi hingga 5.30 petang.

-TAMAT-